



LAPORAN TAHUNAN 2012

KANDUNGAN

Perutusan Pengerusi	2
Keanggotaan Suruhanjaya	4
Visi dan Misi	8
Laporan Eksekutif	9
Urusan Pelantikan	13
Urusan Perkhidmatan	21
Urusan Kenaikan Pangkat	23
Urusan Tata tertib	24
Urusan Biasiswa Pinjaman	25
Urusetia Suruhanjaya	27
Imbasan Aktiviti-Aktiviti Tahunan 2012	31
Nota	38




PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah. Saya merafakkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinNya juga maka dapatlah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) mengeluarkan Laporan Tahunan 2012 bagi memenuhi kehendak Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak.

Laporan ini memaklumkan tentang pencapaian pelaksanaan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada SPANS sepanjang tahun 2012 termasuk kuasa-kuasa yang telah diperturunkan kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa) 2004.

Sejajar dengan Sarawak Civil Service 2010 - 2020 Action Plan, SPANS turut memainkan peranan yang penting dalam mencapai aspirasi ke arah perkhidmatan awam yang bertaraf dunia melalui proses transformasi serta inisiatif inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Pendekatan yang dibuat adalah dengan menekankan aspek integriti, meritokrasi, serta bakat dalam urusan pengambilan anggota-anggota perkhidmatan awam. Bagi pelajar-pelajaryangtelahmenunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang, SPANS telah menawarkan Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak bagi membolehkan mereka meneruskan pendidikan di peringkat tertiar. Usaha ini sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada modal



insan yang diperlui oleh sektor awam mahupun sektor swasta di Sarawak. Semua ini dilakukan dengan matlamat utama iaitu untuk meningkat taraf kehidupan rakyat dengan menjadikan Sarawak sebuah negeri maju serta ekonomi yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sehubungan dengan itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak serta semua Ketua Jabatan di atas kerjasama erat yang telah diberikan kepada SPANS sepanjang tahun 2012. Kerjasama sebegini amat penting untuk menjamin segala tugas dan fungsi Suruhanjaya berjalan dengan lancar.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Timbalan Pengurus, semua Ahli dan Urusetia SPANS yang telah menunjukkan komitmen serta usaha gigih di dalam menjalankan tugas masing-masing. Saya yakin dengan pendekatan yang proaktif serta perubahan-perubahan yang positif akan membolehkan SPANS mengharungi perjalanan transformasi Perkhidmatan Awam di Sarawak dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.



(DATU ABDUL GHAFUR BIN SHARIFF)
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Sarawak

KEANGGOTAAN SURUHANJAYA

Menurut Artikel 35(1), Perlembagaan Negeri Sarawak (Pindaan 1993), keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, tidak kurang daripada empat (4) dan tidak lebih daripada sembilan (9) orang ahli. Pada 31 Disember 2012, keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak adalah seperti berikut:-



YBhg. Datu Abdul Ghafur Shariff
Pengerusi



Tuan Haji Zakaria P. Nyumay
Timbalan Pengerusi



YBhg. Dato' Nyomek ak. Nyeap
Ahli



Vinus Minda ak. Belikau
Ahli



Chai Moi Fong
Ahli



Haji Sulaiman bin Haji Narawi
Setiausaha
(Pelantikan berakhir pada 31 Julai 2012)



**Tuan Haji Mohamad Tajuddin bin
Haji Junaidi**
Ahli



Edward Sadai ak. Anja
Ahli



Rabiah binti Johari
Ahli



Mohamad Junaidi bin Mohidin
Setiausaha
(Pelantikan bermula pada 1 Ogos 2012)



VISI

Menjadikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
Sebuah Badan Yang Dihormati dan Disegani
Berteraskan Kualiti dan Keadilan

MISI

Melantik Kakitangan Awam Yang Dinamik dan Berilmu
Berteraskan Kehendak Pembangunan Semasa

LAPORAN EKSEKUTIF

1. MUKADDIMAH

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPANS) ini disediakan sebagai memenuhi kehendak peruntukan Artikel 36(8), Perlembagaan Negeri Sarawak yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan salinannya diedarkan di Dewan Undangan Negeri.

Laporan Tahunan SPANS 2012 ini merangkumi kegiatan yang dilaksanakan oleh SPANS sepanjang tahun 2012. Laporan ini turut menyatakan kegiatan-kegiatan yang telah diwakilkan kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004.

2. PENUBUHAN

SPANS telah diwujudkan tanggal 1 November 1961 di bawah *The Sarawak (Public Service Commission) Order in Council, 1961* dan berfungsi untuk menasihati Governor selaras dengan *Order in Council* tersebut dan apa-apa juga peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga 15 September 1963. Pada 16 September 1963, iaitu tarikh penubuhan Persekutuan Malaysia, selaras dengan Artikel 35, Bahagian IV, Perlembagaan Negeri Sarawak (G.N.S. 163/63), SPANS telah menjadi sebuah badan eksekutif sepenuhnya.

Menurut Perlembagaan Negeri Sarawak, keanggotaan SPANS adalah terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dan tidak kurang dari empat (4) dan tidak lebih dari sembilan (9) orang Ahli.

Urusan harian SPANS dibantu oleh Urusetia yang dianggotai oleh kakitangan Kerajaan Negeri diketuai oleh seorang Setiausaha.

3. FUNGSI-FUNGSI

Mengikut Artikel 36(1), perlembagaan yang sama, SPANS adalah sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas berkaitan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak iaitu:

- 3.1 Pelantikan;
- 3.2 Pengesahan dalam jawatan;

3.3 Pemberian taraf Tetap dan Berpencen;

3.4 Kenaikan pangkat;

3.5 Perpindahan tempat bertugas; dan

3.6 Mengawal disiplin

Selain daripada itu, SPANS juga dipertanggungjawabkan untuk mengendali dan menganugerah biasiswa pinjaman kepada pelajar-pelajar yang memohon untuk mengikuti pelbagai kursus dan latihan akademik sepenuh masa. Dalam hal ini, SPANS telah diberi tanggungjawab untuk mengendali dan menganugerahkan Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus akademik di peringkat Diploma dan Ijazah di pusat-pusat pengajian tinggi awam tempatan.

Mulai 1 Julai 2000, dengan berkuatkuasanya *Local Authority Service Regulations 2000*, SPANS merupakan kuasa melantik, mengesahkan dalam jawatan, menaikkan pangkat dan mengawal disiplin kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sepanjang tahun 2012, SPANS telah memproses sebanyak 744 kekosongan jawatan di Perkhidmatan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Daripada 744 kekosongan, hanya 321 kekosongan jawatan sahaja berjaya diisi dan bakinya diproses pada tahun 2013. Ini adalah disebabkan arahan pembekuan pengisian jawatan kosong daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kajian pelaksanaan Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA). Skim tersebut walau bagaimanapun dibatalkan pada Mac 2012 dan pengisian jawatan kosong hanya bermula pada Mei 2012. Selain daripada itu juga, terdapat jawatan kosong yang tidak dapat diisi kerana tiada calon yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya dan terdapat juga jawatan kosong yang tidak dapat diisi kerana tiada calon yang berkelayakan berdasarkan skim perkhidmatan untuk pengisian jawatan kosong tersebut.

4. PERWAKILAN KUASA

Melalui Artikel 36(6), Perlembagaan Negeri Sarawak, SPANS telah mewakilkan kuasa-kuasanya kepada Setiausaha Kerajaan Sarawak dan Ketua Jabatan melalui Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004 yang berkuatkuasa pada 17 Januari 2004. Ianya mengantikan

Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 1998.

4.1 PERWAKILAN KUASA KEPADA SETIAUSAHA KERAJAAN SARAWAK DAN KETUA JABATAN

- 4.1.1 Melantik mana-mana orang di dalam mana-mana jawatan dalam perkhidmatan awam negeri di jabatan masing-masing bagi Gred 27 dan ke atas [selain daripada jawatan Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah] sama ada jawatan bertaraf tetap dan berpencen, jawatan berasaskan caruman (JBC) atau pelantikan secara kontrak atau secara sementara;
- 4.1.2 Menamatkan pelantikan perkhidmatan mana-mana pegawai yang dilantik di atas yang masih di dalam tempoh percubaan;
- 4.1.3 Melanjutkan tempoh percubaan pegawai yang dilantik selama mana perlanjutan tempoh tersebut tidak melebihi tempoh yang disyaratkan dalam Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996 (Swk. L.N.1/96); dan,
- 4.1.4 Melantik dan menamatkan pelantikan memangku atau menjalankan tugas mana-mana pegawai di dalam perkhidmatan awam negeri di jabatan masing-masing (kecuali jawatan Timbalan Pengarah), sama ada atau tidak menjalankan tugas jawatan hakiki pegawai tersebut, tetapi tidak melebihi 180 hari bekerja kecuali setelah mendapat kelulusan SPANS.

4.2 PERWAKILAN KUASA KEPADA SETIAUSAHA KERAJAAN SARAWAK

- 4.2.1 Mengesahkan pelantikan mana-mana jawatan pegawai Gred 27 dan ke atas [selain daripada jawatan yang dilantik di bawah Artikel 11 atau yang dilantik di bawah Artikel 36(4), Perlembagaan Negeri Sarawak]; dan,
- 4.2.2 Menukar mana-mana pegawai awam negeri dari satu kementerian atau jabatan ke kementerian atau jabatan yang lain atau sebaliknya, tanpa melibatkan penurunan pangkat.

5. PENUTUP

Tahun 2012 telah membawa SPANS dalam penggunaan bidang teknologi maklumat dengan pesatnya melalui sistem e-Recruitment bagi urusan pengambilan. Permohonan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong boleh dibuat secara talian terus. Di samping itu, calon-calon boleh mengetahui kedudukan permohonan mereka sama ada telah didaftar, telah ditapis, tarikh dan tempat temuduga dengan melayari laman sesawang e-Recruitment <http://erecruitment.sarawak.gov.my> atau laman sesawang SPANS <http://www.psc.sarawak.gov.my>. Sepanjang tahun 2012, seramai 25,144 orang pemohon baru telah berdaftar dengan sistem e-Recruitment dan jumlah permohonan yang berdaftar setakat 31 Disember 2012 adalah seramai 140,222 orang.

Pada tahun 2012 juga, SPANS telah memperkenalkan pembayaran balik Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak secara atas talian melalui Paybills Malaysia. Pembayaran melalui internet ini merupakan salah satu saluran alternatif yang boleh bekas pelajar tajaan gunakan untuk membuat pembayaran balik pinjaman selain menggunakan saluran bayaran yang sedia ada iaitu pembayaran menggunakan wang pos, secara tunai melalui kaunter dan potongan gaji bagi penjawat awam.

URUSAN PELANTIKAN

1. Permohonan bagi mengisi jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak adalah melalui sistem e-Recruitment. Dalam tahun 2012, seramai 24,009 orang telah memohon jawatan yang diiklankan dalam portal tersebut dengan pecahan mengikut kaum etnik seperti di bawah:

Jadual 1: Bilangan Pemohon Yang Memohon Jawatan Kosong

KAUM ETNIK	JUMLAH
Melayu	10,313
Melanau	2,622
Cina	1,184
Iban	5,505
Bidayuh	2,783
Kayan	239
Kedayan	361
Bisaya	175
Kenyah	223
Lun Bawang	133
Kelabit	42
Lain-Lain Bumi	382
Lain-Lain Bukan Bumi	137
JUMLAH KESELURUHAN	24,099

2. Seramai 24,009 orang pemohon telah memohon 47,260 jawatan untuk mengisi 744 kekosongan jawatan sepanjang tahun 2012 dengan pecahan mengikut kaum etnik seperti berikut:

Jadual 2: Bilangan Permohonan Jawatan Kosong

KUMPULAN JAWATAN	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	JUMLAH
KAUM ETNIK/ KEKOSONGAN	8	12	245	479	744
Melayu	736	3,853	6,958	11,422	21,006
Cina	286	601	682	526	1,791
Iban	378	2,196	4,294	4,865	10,489
Melanau	144	971	1,713	3,079	5,357
Bidayuh	202	1,098	1,976	2,744	5,412
Kayan	17	124	204	125	400
Kenyah	19	91	206	140	405
Lun Bawang	12	62	105	83	233
Bisaya	7	59	81	256	372
Kedayan	13	115	227	464	763
Kelabit	2	19	30	34	74
Lain-Lain Bumi	35	194	238	287	671
Lain-Lain Bukan Bumi	17	51	120	122	287
JUMLAH KESELURUHAN	1,868	9,434	16,834	24,147	47,260

3. Daripada seramai 24,009 orang pemohon, hanya 1,717 orang sahaja dipanggil temuduga dengan pecahan mengikut kaum etnik seperti berikut:

Jadual 3: Bilangan Dipanggil Temuduga

KAUM ETNIK	KUMPULAN JAWATAN				JUMLAH
	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	
Melayu	19	25	321	362	727
Cina	15	3	51	14	83
Iban	3	6	213	130	352
Melanau	4	7	108	112	231
Bidayuh	2	5	99	118	224
Kayan	1	3	9	4	17
Kenyah	0	0	6	8	14
Lun Bawang	0	1	1	0	2
Bisaya	0	2	3	3	8
Kedayan	2	2	9	16	29
Kelabit	0	0	1	3	4
Lain-Lain Bumi	1	0	10	4	15
Lain-Lain Bukan Bumi	0	0	7	4	11
JUMLAH KESELURUHAN	47	54	838	778	1,717

4. Daripada seramai 1,717 orang pemohon dipanggil temuduga, hanya 321 orang dipilih dengan pecahan mengikut kaum etnik seperti berikut:

Jadual 4: Bilangan Permohonan Yang Berjaya

KAUM ETNIK	KUMPULAN JAWATAN				JUMLAH
	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	
Melayu	3	5	64	52	124
Cina	2	0	10	3	15
Iban	1	2	46	24	73
Melanau	1	2	19	15	37
Bidayuh	1	2	28	26	57
Kayan	0	0	2	1	3
Kenyah	0	0	1	1	2
Lun Bawang	0	1	0	0	1
Bisaya	0	0	1	1	2
Kedayan	0	0	2	3	5
Kelabit	0	0	0	0	0
Lain-Lain Bumi	0	0	1	0	1
Lain-Lain Bukan Bumi	0	0	1	0	1
JUMLAH KESELURUHAN	8	12	175	126	321

Nota: Baki 432 kekosongan jawatan diisi pada tahun berikutnya iaitu tahun 2013. Terdapat juga kekosongan yang tidak dapat diisi kerana tiada calon yang sesuai atau layak untuk mengisi kekosongan tersebut.

5. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 2 perakuan **PELANTIKAN SECARA PINJAMAN** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 5: Statistik Pelantikan Secara Pinjaman

KAUM ETNIK	KUMPULAN JAWATAN				JUMLAH
	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	
Melayu	-	-	-	-	-
Cina	-	-	-	-	-
Iban	2	-	-	-	2
Melanau	-	-	-	-	-
Bidayuh	-	-	-	-	-
Kayan	-	-	-	-	-
Kenyah	-	-	-	-	-
Kelabit	-	-	-	-	-
Lun Bawang	-	-	-	-	-
Bisaya	-	-	-	-	-
Kedayan	-	-	-	-	-
Lain-Lain Bumi	-	-	-	-	-
Lain-Lain Bukan Bumi	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	2	0	0	0	2

6. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 5 perakuan **PELANTIKAN SEMULA SELEPAS BERSARA** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 6: Statistik Pelantikan Semula Selepas Bersara

KAUM ETNIK	KUMPULAN JAWATAN				JUMLAH
	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	
Melayu	-	-	2	-	2
Cina	-	-	2	-	2
Iban	1	-	-	-	1
Melanau	-	-	-	-	-
Bidayuh	-	-	-	-	-
Kayan	-	-	-	-	-
Kenyah	-	-	-	-	-
Kelabit	-	-	-	-	-
Lun Bawang	-	-	-	-	-
Bisaya	-	-	-	-	-
Kedayan	-	-	-	-	-
Lain-Lain Bumi	-	-	-	-	-
Lain-Lain Bukan Bumi	-	-	-	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	1	0	4	0	5

Nota: Skel A : Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 ke atas)
 Skel B : Jawatan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 hingga Gred 40)
 Skel C : Jawatan Kumpulan Sokongan 2 (Gred 17 hingga Gred 26)
 Skel D : Jawatan Kumpulan Sokongan 2 (Gred 16 ke bawah)

7. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 55 perakuan **PELANTIKAN MEMANGKU** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 7: Statistik Pelantikan Memangku

KUMPULAN	GRED	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH
Jawatan-Jawatan Utama	VU3-VU7	-	1	1
Jawatan-Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional	41-54	19	9	28
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 1	27-40	-	6	6
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	17-26	19	1	20
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	16 ke bawah	-	-	-
JUMLAH		38	17	55

Nota: Pelantikan memangku yang dinyatakan di atas ialah untuk tempoh lantikan selama 180 hari atau lebih sahaja.

8. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 74 perakuan **PELANTIKAN MENANGGUNG KERJA** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 8: Statistik Pelantikan Menanggung Kerja

KUMPULAN	GRED	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH
Jawatan-Jawatan Utama	VU3-VU7	-	-	-
Jawatan-Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional	41-54	24	9	33
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 1	27-40	7	3	10
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	17-26	24	5	29
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	16 ke bawah	2	-	2
JUMLAH		57	17	74

Nota: Pelantikan menanggung kerja yang dinyatakan di atas ialah untuk tempoh lantikan selama 180 hari atau lebih sahaja.

Statistik Pengambilan Bagi Tahun 2012 Oleh Agensi Di Bawah Arahan SPANS (Perwakilan Kuasa-Kuasa), 2004

9. Di bawah Arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (Perwakilan Kuasa), 2004 urusan pengambilan yang telah dikendalikan oleh Setiausaha Kerajaan Sarawak dan Ketua Jabatan adalah seperti berikut:

Jadual 9: Statistik Pengambilan Di Bawah Perwakilan Kuasa-Kuasa

JABATAN	JUMLAH KEKOSONGAN	JUMLAH PEMOHON	JUMLAH DITEMUDUGA	JUMLAH DIPILIH
Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri	106	14,104	474	48
Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	1,256	12	2
Jabatan Hutan	99	3,188	69	0
Jabatan Pertanian	35	5,470	188	28
Jabatan Kerja Raya	3	1,676	18	3
Jabatan Tanah Dan Survei	35	2,495	166	23
Jabatan Muzium	1	711	10	0
Jabatan Peguam Besar Negeri	3	2,945	6	0
JUMLAH	284	31,845	943	104

URUSAN PERKHIDMATAN

10. Sepanjang tahun 2012, sebanyak **1,138** perakuan **PENGESAHAN DALAM JAWATAN** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 10: Statistik Perakuan Pengesahan Dalam Jawatan

KUMPULAN	GRED	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH
Jawatan-Jawatan Utama	VU3-VU7	-	-	-
Jawatan-Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional	41-54	3	1	4
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 1	27-40	20	5	25
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	17-26	234	55	289
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	16 ke bawah	712	108	820
JUMLAH		969	169	1,138

11. Sepanjang tahun 2012, sebanyak **17** perakuan **PERLANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 11: Statistik Perakuan Perlanjutan Tempoh Percubaan

KUMPULAN	GRED	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH
Jawatan-Jawatan Utama	VU3-VU7	-	-	-
Jawatan-Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional	41-54	-	-	-
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 1	27-40	-	-	-
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	17-26	12	1	13
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	16 ke bawah	4	-	4
JUMLAH		16	1	17

12. Sepanjang tahun 2012, sebanyak **490** perakuan **PENEMPATAN KE DALAM JAWATAN BERPENCEN** telah diluluskan oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 12: Statistik Perakuan Penempatan Ke Dalam Jawatan Berpencen

KUMPULAN	GRED	BUMIPUTERA	BUKAN BUMIPUTERA	JUMLAH
Jawatan-Jawatan Utama	VU3-VU7	-	-	-
Jawatan-Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional	41-54	20	8	28
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 1	27-40	28	2	30
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	17-26	93	10	103
Jawatan-Jawatan Kumpulan Sokongan 2	16 ke bawah	316	13	329
JUMLAH		457	33	490

URUSAN KENAIKAN PANGKAT

13. Sepanjang tahun 2012, seramai **274** orang kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah diluluskan kenaikan pangkat oleh Suruhanjaya seperti berikut:

Jadual 13: Statistik Urusan Kenaikan Pangkat

KAUM ETNIK	PERKHIDMATAN AWAM NEGERI				PIHAK BERKUASA TEMPATAN				JUMLAH
	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	SKEL A	SKEL B	SKEL C	SKEL D	
Melayu	26	17	20	11	2	9	6	-	91
Cina	18	9	7	-	1	11	13	-	59
Iban	18	10	23	6	-	12	13	-	82
Melanau	2	1	2	7	-	1	-	-	13
Bidayuh	5	2	3	7	-	1	-	-	18
Kayan	-	-	2	1	-	-	-	-	3
Kenyah	-	-	-	-	-	1	-	-	1
Kelabit	-	-	1	-	-	-	-	-	1
Lun Bawang	-	1	1	-	-	-	-	-	2
Bisaya	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kedayan	-	-	1	2	-	-	-	-	3
Lain-Lain Bumi	-	-	1	-	-	-	-	-	1
Lain-Lain Bukan Bumi	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	69	40	61	34	3	35	32	-	274
JUMLAH KESELURUHAN	204				70				274

Nota: Skel A : Jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 ke atas)
 Skel B : Jawatan Kumpulan Sokongan 1 (Gred 27 hingga Gred 40)
 Skel C : Jawatan Kumpulan Sokongan 2 (Gred 17 hingga Gred 26)
 Skel D : Jawatan Kumpulan Sokongan 2 (Gred 16 ke bawah)

URUSAN TATATERTIB

14. Laporan ini mengandungi bilangan hukuman tatatertib di bawah Kaedah 39, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1996 yang diputuskan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2012 mengikut jenis-jenis kesalahan yang dilakukan seperti berikut:

Jadual 14: Statistik Tindakan Tatatertib

BIL.	KESALAHAN	HUKUMAN TATATERTIB	GRED 41 KE ATAS	GRED 27-40	GRED 17-26	GRED 11 KE BAWAH	JUMLAH
1	Tidak Hadir Bertugas	(i) Diwarta	-	-	3	4	7
		(ii) Dipecat	-	1	1	1	3
2	Pecah Amanah	(i) Dicela	-	-	-	1	1
		(ii) Surcaj (Denda)	-	-	-	1	1
3	Dadah	(i) Dipecat	-	-	2	-	2
4	Jenayah	(i) Dipecat	-	-	-	3	3
5	Belum Disahkan Dalam Jawatan	(i) Ditamatkan Perkhidmatan	-	-	1	-	1
JUMLAH			0	1	7	10	18

URUSAN BIASISWA PINJAMAN

1. Biasiswa Pinjaman Kerajaan Negeri Sarawak (BPKNS) adalah merupakan skim bantuan kewangan pelajaran untuk pelajar kurang berkemampuan yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. BPKNS menampung sebahagian daripada kos pendidikan pelajar termasuk yuran pengajian, elaun sara hidup, elaun pengangkutan, elaun buku dan lain-lain.
2. Bermula tahun 1994 sehingga 2012, bilangan pelajar yang telah ditaja di bawah BPKNS adalah seperti berikut:

Jadual 15: Bilangan Pelajar Tajaan BPKNS dari 1994 - 2012

TAHUN TAJAAN	DIPLOMA	IJAZAH	JUMLAH
1994	9	21	30
1995	1	29	30
1996	5	33	38
1997	6	100	106
1998	28	60	88
1999	27	145	172
2000	41	222	263
2001	44	244	288
2002	33	263	296
2003	66	250	316
2004	23	149	172
2005	5	121	126
2006	33	66	99
2007	69	150	219
2008	72	82	154
2009	77	121	198
2010	77	117	194
2011	131	231	362
2012	76	0	76
JUMLAH	823	2,404	3,227

3. Daripada keseluruhan jumlah di atas, bilangan pelajar yang telah menamatkan pelajaran serta yang sedang belajar adalah seperti butiran di bawah:

Jadual 16: Bilangan Pelajar BPKNS Yang Tamat dan Masih Belajar

Jumlah Pelajar Keseluruhan Tajaan (1994-2012)	3,227
Jumlah Pelajar bergraduat (1994-2012)	3,066
Jumlah Pelajar yang gagal (1994-2012)	161
Jumlah Pelajar Masih Ditaja (2012)	482
Jumlah Pelajar Bergraduat (2012)	151

4. Untuk tahun 2012 seramai 76 orang pelajar baru peringkat Diploma telah ditaja manakala sejumlah 151 orang pelajar yang ditaja telah menamatkan pengajian dalam tahun 2012 (iaitu 94 pelajar peringkat Diploma dan 57 pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda).
5. Jumlah peruntukan dikeluarkan untuk penajaan BPKNS bagi tahun 2012 ialah RM3,531,170.00.
6. Bayaran balik BPKNS ialah sebanyak dua puluh lima peratus (25%) daripada keseluruhan peruntukan yang telah diberi kepada pelajar dengan syarat pelajar tersebut telah menamatkan pengajian dengan jayanya.






URUSETIA SURUHANJAYA



1. Urusetia Suruhanjaya dibahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Kenaikan Pangkat dan Tatatertib, Bahagian Pengambilan dan Perkhidmatan dan Bahagian Biasiswa Pinjaman. Semasa tempoh laporan, Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak mempunyai seramai 29 orang kakitangan, tidak termasuk 2 kekosongan jawatan yang belum diisi.



BIL.	NAMA & GRED JAWATAN	TARAF JAWATAN	BIL. JAWATAN	PENJAWAT
1	Setiausaha, N54	Tetap	1	1. *Haji Sulaiman bin Haji Narawi (Hingga 31.07.2012) 2. Mohamad Junaidi bin Mohidin (Mulai 01.08.2012)
2	Penolong Setiausaha, N41	Tetap	1	Siti Rafeah bt. Abdul Rahman
3	Penolong Setiausaha, N41	JBC	2	1. Siti Aishah bt. Baharuddin 2. Rodney Gavin ak. Simon
4	Penolong Pegawai Tadbir, N27	Tetap	2	1. Amrul bin Haji Yusup 2. Mohd. Khairul Ikhzan b. Paidar
5	Penolong Pegawai Tadbir, N27	JBC	1	Lina Rees ak. Bobin
6	Pembantu Tadbir (P/O), N22	Tetap	1	Rosli bin Pandi
7	Setiausaha Pejabat, N27	Tetap	1	Favarina bt. Bujang
8	Pembantu Tadbir (Kewangan), W22	Tetap	1	1. Andrew @ Azrani Tan Abdullah (Hingga 11.01.2012) 2. Junaidi bin Hamdan (Mulai 12.01.2012)
9	Pembantu Tadbir (P/O), N17	JBC	2	1. Nyam Siew Ling 2. Lydia ak. Alan
10	Pembantu Tadbir (Kewangan), W17	Tetap	2	1. Julipah bt. Sutiman 2. Simbah ak. Libu
11	Pembantu Tadbir (P/O), N17	Tetap	6	1. Helen @ Nariesha Henry Peros 2. Richard ak. Kinot 3. Dennis Seman ak. Wilfred Busu 4. Ali bin Mohamad 5. Muhammad Akmal bin Ismani
12	Pembantu Tadbir (P/O), N17 (Tukar Lantik dari jawatan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip), N11)	Tetap	4	1. Masni bt. Zaidi 2. Norliza bt. Haji Pitani 3. Hadzrina bt. Drahim 4. Rosemaria ak. Jeron

13	Pembantu Tadbir Rendah, N11	JBC	1	Rozita bt. Daud
14	Pembantu Am Rendah, N1	Tetap	1	Hiprawi bin Arbi
15	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3	Tetap	3	1. Hartoyo bin Oerip Marsono 2. Masri bin Kamuri
16	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3	JBC	1	Iswandi bin Sariman
17	Pekerja Rendah Awam, R1	Tetap	1	Suri bt. Nawi (Hingga 25.06.2012)

JBC: Jawatan Berasas Caruman

IMBASAN AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN 2012





Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke-15 di Ipoh,
Perak Pada 1 hingga 4 Oktober 2012

Lawatan Kerja Ke TalentCorp Malaysia Pada 5 Oktober 2012





Lawatan Kerja Ke Loji Rawatan Air, Tapah, Jabatan Kerja Raya Sarawak,
Pada 4 Julai 2012





Majlis Angkat Sumpah Sempena Perlantikan Semula Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak iaitu Encik Chai Moi Fong, Encik Edward Sadai ak. Anja dan Encik Vinus Minda ak. Belikau Pada 5 November 2012



NOTA

NOTA

NOTA